



## UPM Rai 85 Industri Yang Aktif Kerjasama



*Antara Industri Luar yang mengadakan kerjasama dengan UPM masuk mendaftar ke Industry Appreciation Night UPM.*

**SERI KEMBANGAN, 14 Januari** – Universiti Putra Malaysia (UPM) meraikan 85 industri yang aktif bekerjasama dalam aspek latihan industri, kolaborasi penyelidikan, pengkomersilan dan aspek kebolehpasaran graduan dalam majlis 'Industry Appreciation Night'.

Majlis yang dianjurkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dirasmikan oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Beliau berkata universiti dan industri adalah dua elemen penting bagi menyumbang pertumbuhan sektor ekonomi melalui peningkatan pengeluaran, output dan kekayaan sumber dengan bertujuan memenuhi keperluan rakyat dan negara.



*Strategic Communications Sdn[1].Bhd, Shamsol Azhar Ismail(kiri) menerima sijil penghargaan daripada Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (tengah) sambil diiringi Timbalan Naib Canselor UPM (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Tai Shzee Yew .*

"Kedua-dua pihak dapat berkongsi dan memindah maklumat di antara satu sama lain di samping meluaskan aktiviti, struktur dan konsep kerjasama," katanya pada majlis yang dilangsungkan di Palace of The Golden Horses.

Majlis tersebut turut menganugerahkan sijil kepada 85 industri yang telah menandatangani MoU/MoA dengan UPM sepanjang dua tahun lalu.

Sementara itu Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Tai Shzee Yew berkata majlis sebegini mampu mewujudkan rangkaian kerjasama erat antara industri dengan UPM bagi mencapai salah satu matlamat UPM iaitu memperkasakan jaringan UPM dengan industri dan masyarakat.

"Diharapkan JINM menjadi one stop centre bagi pihak industri dan masyarakat menjalinkan hubungan dalam semua bidang," katanya.

Beberapa wakil industri yang ditemui memberi maklumbalas positif kerjasama yang dijalankan dengan UPM.

Pengurus Syarikat Heveaboard Sdn Bhd, S. Ganasen Moorthi berkata kerjasama lebih dari 10 tahun dengan UPM berasaskan panel kayu (particular board) masih relevan dan kukuh.

"Kami sedang mencari produk baru bagi tujuan membantu pelajar UPM di dalam penyelidikan serta carbon trading dan green technology bagi dipasarkan ke Jepun satu hari nanti," katanya.

Pengarah Urusan Syarikat H&G Strategic Communication Sdn Bhd, Shamsol Azhar Ismail berkata kerjasama dengan UPM amat baik melalui penganjuran bersama program World Universities Peace Invitational Debate baru-baru ini.

"Saya berharap pertandingan peringkat antarabangsa ini dapat dikembangkan lagi serta modul latihan debat boleh dipraktikkan oleh staf dan pelajar di UPM," katanya.

Exco Pertanian Industri Desa & Bioteknologi Negeri Kelantan, Che Abdullah Mat Nawi berkata negeri Kelantan telah mengeratkan hubungan kerjasama perancangan mewujudkan lembah bioteknologi di Batang Merbau, Tanah Merah, Kelantan untuk membantu petani di Kelantan dengan kerjasama pakar di UPM.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. Maklumat lanjut sila hubungi Mohd Faisal Md Noor (03-89466011) atau Noor Eszereen Juferi (89466013)**